

# Cabaran Pengaplikasian Pendekatan Didik Hibur Dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Dari Aspek Kemahiran Membaca Dalam Talian

*(Challenges of Applying the Entertained Education Approach in Teaching Malay Language Teachers from the Aspects of Online Reading Skills)*

Siti Aishah Sembai Aban Abdullah<sup>1\*</sup>, Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad<sup>2</sup>

<sup>1</sup> SK Kelapa Sawit No 4 Subis, Miri Sarawak, Malaysia

<sup>2</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [aishah201868@gmail.com](mailto:aishah201868@gmail.com)

Accepted: 15 April 2022 | Published: 1 May 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.27>

**Abstrak:** Pendekatan didik hibur merupakan satu kaedah yang melibatkan aspek mendengar, bertutur, menulis serta membaca. Pendekatan didik hibur melibatkan dan mewujudkan perasaan yang gembira, teruja dan memerlukan kreativiti murid untuk mengaplikasikannya. Aktiviti membaca lebih menyeronokkan semasa menggunakan pendekatan didik hibur. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka cabaran pengaplikasian didik hibur dalam pengajaran guru Bahasa Melayu dari aspek kemahiran membaca secara dalam talian. Reka bentuk kajian ialah kajian berbentuk kualitatif. Kajian ini dilaksanakan terhadap 3 orang guru dari sebuah sekolah rendah di daerah Subis, Sarawak sebagai peserta kajian. Dapatan data dikutip melalui temu bual. Kajian ini menggunakan analisis tematik untuk menganalisis data temu bual. Hasil kajian mendapati kekurangan peranti dan kelemahan capaian Internet di kawasan luar bandar merupakan cabaran yang utama dalam pengaplikasian pendekatan didik hibur dalam pengajaran dalam talian oleh guru bahasa Melayu. Kajian ini mencadangkan agar cabaran pengaplikasian ini dapat diatasi pihak kementerian dengan menyediakan capaian Internet yang laju. Ibu bapa juga disarankan untuk menyediakan peranti kepada anak-anak bagi membolehkan untuk meneruskan pengajaran dan pembelajaran di rumah.

**Kata kunci:** Didik hibur, Cabaran, Pengajaran dalam talian, Kemahiran membaca, Guru Bahasa Melayu

**Abstract:** The fun learning approach is a method that involves aspects of listening, speaking, writing and reading. The fun learning approach involves and creates feelings of being happy, excited and requires students' creativity to apply. Reading activities are more fun while using a fun learning approach. The purpose of this study is to explore the challenges of the application of learning approach in the teaching of Malay language teachers from the aspect of online reading skills. The study design was a qualitative study. This study was conducted on 3 teachers from a primary school in Subis district, Sarawak as study participants. Data findings were collected through interviews. This study used thematic analysis to analyze the interview data. The results of the study found that the lack of devices and weaknesses of Internet access in rural areas is a major challenge in the application of learning approach education approach in online teaching by Malay language teachers. This study suggests that the challenge of this application can be overcome by the ministry by providing fast Internet access. Parents are also

*advised to provide devices to children to enable them to continue teaching and learning at home.*

**Keywords:** Fun learning, Challenges, Online teaching, Reading skills, Malay Language Teacher

---

## 1. Pengenalan

Menurut Hanapi et al. (2020), satu peralihan corak sistem pendidikan dari pembelajaran tradisional ke peralihan corak pembelajaran yang berpusatkan murid. Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) lebih mementingkan kualiti dan kemenjadian murid menerusi pembelajaran. Manakala, Norfaezah dan Wazzainab (2018), mengatakan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) amat mementingkan kaedah dan cara pelaksanaan dititikberatkan untuk mewujudkan pembelajaran yang berkesan serta menyeronokkan. Kaedah yang sesuai yang digunakan mempengaruhi tahap keberkesanan PdP. Menurut Abdul Rasid & Hasmah (2013), guru cemerlang adalah guru yang mampu mewujudkan suasana proses PdP yang lebih efektif. Kepekaan guru terhadap unsur pentingnya pembelajaran yang menyeronokkan dapat mewujudkan hubungan baik antara murid dengan guru. Kenyataan ini disokong oleh Shamsudin dan Abdul Rasid (2013) menyatakan murid seronok dalam pembelajaran, malahan objektif PdP tetap masih dapat dicapai sebagaimana yang telah ditetapkan dalam sukatan pengajaran.

Berdasarkan pemerhatian Standard Kualiti Pendidikan Malaysia, guru Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah tidak mempunyai kawalan terhadap strategi atau teknik bersesuaian dalam mengajar kemahiran membaca. Rumusan hasil kajian menyatakan bahawa guru menggunakan kaedah dan bahan pengajaran yang kurang berkesan sehingga tidak dapat merangsang minat sebagai murid aktif. Abdul Rasid (2011) menyatakan masalah penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid berpunca daripada tidak berminat terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu yang menjadi faktor menyumbang kepada ketidakcekapan murid dalam menguasai kemahiran membaca. Pembelajaran secara bersemuka tidak lagi berlaku akibat pandemik COVID-19, namun pelaksanaan pengajaran masih berlaku seperti proses pembelajaran biasa dengan menggunakan kekuatan teknologi bagi menggantikan pembelajaran secara bersemuka. Dalam situasi pandemik COVID-19, kaedah pengajaran guru beralih kepada pengajaran secara dalam talian sepenuhnya. Kreativiti dan kecekapan guru dalam melaksanakan PdP secara dalam talian akan menjadikan proses pengajaran dan penyampaian ilmu dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Jesteru, penelitian terhadap pelaksanaan PdP secara atas talian dalam kalangan guru Bahasa Melayu wajar dilakukan. Kepentingan dalam kajian ini dapat dijadikan sebagai garis panduan atau rujukan yang memfokuskan kepada pelaksanaan PdP secara dalam talian secara lebih berkesan. Melalui kajian ini, ciri pembelajaran berfokuskan murid perlu diberikan keutamaan dalam proses PdP dan ciri pembelajaran yang berpusatkan kepada guru tidak seharusnya dilaksanakan.

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif:

- i. Meneroka cabaran pengaplikasian pendekatan didik hibur dalam pengajaran guru Bahasa Melayu dari aspek kemahiran membaca dalam talian.

## 2. Soroton Literatur

### **a. Pengaplikasian Pendekatan Didik Hibur Pengajaran Bahasa Melayu Dari Aspek Kemahiran Membaca**

Membaca adalah proses yang interaktif kerana memerlukan banyak proses penguasaan bacaan. Konsep didik hibur dilihat sebagai langkah terbaik bagi menggalakkan komunikasi secara semula jadi dalam kalangan kanak-kanak dengan rakan sebaya. Berdasarkan kajian Zakaria dan Ariff (2011), berpendapat bahawa teknik didik hibur dapat meningkatkan minat murid untuk membaca selain mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan.

Didik hibur juga menyediakan persekitaran pembelajaran yang merangsang rasa ingin tahu dan meningkatkan rasa seronok dalam apa yang dipelajari di sekolah khususnya dalam kalangan kanak-kanak (Melvina et al., 2018). Penerapan didik hibur dalam pengajaran guru melibatkan beberapa elemen seperti suara bunyi, video animasi, gambar animasi, teks bacaan serta kesesuaian gambar. Kaedah pengajaran memerlukan kemahiran dan teknik yang tepat dan bersesuaian dengan kemampuan penerimaan murid supaya pengajaran menjadi lebih efektif, bermakna dan menyeronokkan. Oleh itu, seorang guru memerlukan kemahiran dalam proses mengendalikan aktiviti bacaan dijalankan sepanjang PdP berlangsung. Guru perlu memiliki kemahiran serta kreatif dalam menerapkan elemen didik hibur melalui kemahiran membaca semasa proses pengajaran membaca bahasa Melayu. Dengan itu, pemahaman murid terhadap sesuatu yang dibacanya sangat penting bagi meningkatkan pengetahuan baharu.

### **b. Cabaran Pengaplikasian Didik Hibur Pengajaran Bahasa Melayu Dari Aspek Kemahiran Membaca Dalam Talian**

Pendidikan menjadi semakin moden seiring dengan cabaran dunia yang semakin membangun. Windhiyana (2020) pula menyatakan bahawa ciri pembelajaran secara dalam talian merupakan pembelajaran yang hanya dilakukan melalui ruang maya dan bergantung kepada kemudahan Internet. Ciri pembelajaran ini tidak memerlukan pengajaran guru dan pembelajaran murid untuk bersemuka dalam membentuk satu komunikasi terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Penerimaan masyarakat Malaysia terhadap pembelajaran secara maya berlaku dengan pantas kesan daripada pandemik COVID-19 yang mengubah kaedah pembelajaran dan pengajaran tradisional kepada kaedah PdP yang mengadaptasikan penggunaan teknologi terkini yang pada mulanya dianggap masih terlalu lama untuk diadaptasi ke dalam sistem pendidikan (Shafinah, 2020). Dalam mendepani cabaran mengintegrasikan kesamarataan penggunaan teknologi pembelajaran dan medium komunikasi dalam sistem pendidikan berpusatkan murid, guru-guru berdepan cabaran dalam pengajaran secara norma baharu melibatkan kesediaan murid menghadapi kelas secara dalam talian sesuai dengan norma baharu

Kelemahan peranan dan perancangan guru melaksanakan PdPc merupakan cabaran yang sering berlaku melibatkan kesemua peringkat dalam institusi pendidikan. Perubahan dalam sistem pendidikan ini amat ketara pada peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Kajian yang mengkaji tentang kekangan yang berlaku dalam PdP secara dalam talian daripada Selvi dan Waskita (2020) mendapati pelaksanaan PdP secara dalam talian tidak mencapai tahap maksimum disebabkan guru berdepan pelbagai cabaran dalam mengadaptasi aktiviti pembelajaran dengan menggunakan pembelajaran secara dalam talian. Kajian daripada Aliah Izzaty (2019) mendedahkan guru berdepan kesukaran dalam penyediaan bahan mengajar dan idea-idea berkonsepkan didik hibur untuk melaksanakan pendekatan ini. Kajian oleh Bahariah et al. (2021) yang menghuraikan cabaran PdP Pendidikan Islam bagi pelajar Orang Kurang

Upaya (OKU). Hasil dapatan kajian menyatakan bahawa guru-guru berdepan masalah kekurangan bahan bantu mengajar. Hal ini adalah kerana, sumber bahan bantu mengajar (bertulis, audio, dan video) adalah sangat terhad.

Guru berdepan kesukaran dalam menyampaikan silibus pengajaran kerana berdepan cabaran penyediaan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan tahap kefahaman dan keupayaan pelajar yang pelbagai dalam pelaksanaan PdP. Di samping itu, satu kajian yang bagi mengenalpasti tahap kesediaan dan kemampuan guru melaksanakan PdP secara dalam talian dibincangkan dalam kajian Mazura dan Wak Chu Wok (2018). Hasil dapatan kajian mendapati guru tidak mempunyai pengetahuan yang baik tentang PdP terbeza. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru berdepan cabaran menyampaikan pengajaran menggunakan kaedah pendigitalan kerana kekurangan kemahiran dalam mengendalikan kelas secara dalam talian dengan menggunakan perantaraan teknologi maklumat.

Kelemahan capaian internet antara masalah yang sinonim dengan cabaran PdP secara dalam talian adalah masalah jaringan Internet yang lemah. Kebolehcapaian Internet merupakan aspek yang penting dalam mengendalikan kelas secara dalam talian. Guru yang ditugaskan untuk mengajar murid sekolah luar bandar menghadapi kesukaran dalam melaksanakan kaedah didik hibur secara dalam talian. Hal ini kerana murid berdepan masalah capaian Internet yang terhad untuk mendapatkan bahan bagi tujuan pembelajaran (Norehan dan Mahaliza, 2021).

Kajian oleh Ashraf et al. (2020) mengenai kajian kekurangan dalam pelaksanaan tasmik hafazan secara dalam talian berpendapat bahawa masalah capaian Internet berlaku dalam kalangan pelajar yang tinggal di kawasan yang kurang liputan Internet. Hal ini menyukarkan murid mengikuti proses tasmik dengan baik kerana murid hanya dapat dihubungi melalui aplikasi *Whatsapp*, *Messenger* dan *Telegram*. Keperluan akses Internet untuk mengikuti kelas secara dalam talian, menyiapkan tugas dan menyertai peperiksaan menjadikan murid-murid daripada golongan keluarga B40 terbeban untuk memenuhi keperluan pembelajaran. Masalah capaian internet berkait rapat dengan kemampuan ibu bapa dalam menyediakan peranti dan akses Internet yang diperlukan oleh anak-anak bagi tujuan pembelajaran secara dalam talian. Oleh itu, ibu bapa haruslah cakna dalam menyediakn keperluan pembelajaran bagi memastikan kelangsungan pendidikan anak-anak terjamin (Norehan & Mahaliza, 2021).

Murid kekurangan peranti *Information, Communication and Technology* (ICT) adalah cabaran yang sering diketengahkan dalam melaksanakan PdP secara dalam talian adalah kekurangan kelengkapan peranti yang diperlukan bagi memastikan murid meneruskan pembelajaran secara dalam talian dengan baik. Dalam kajian oleh Hapini et al. (2020) mendedahkan bahawa kebanyakan negara-negara membangun brdepan masalah kekurangan peranti dalam mengintegrasikan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalma talian. Masalah penglibatan murid dalam pembelajaran secara dalam talian juga berpunca daripada keupayaan murid untuk mendapatkan peranti yang terhad kerana terdapat segelintir murid berkongsi peranti ICT dengan adik beradik. Kajian mengenai peranti ICT yang tidak berfungsi dengan baik dibincangkan dalam kajian oleh Tamilmullai dan Salini (2021). Kajian merumuskan penggunaan skrin telefon bimbit yang kecil turut menjadi faktor halangan yang dihadapi oleh murid untuk mengikuti PdP secara dalam talian. Isu mengenai keberkesanan PdP diberikan banyak perhatian daripada pelbagai pihak terutamanya melibatkan aspek kekangan kekurangan peranti dan capaian Internet yang rendah. Ya Shin Wan (2020) juga menyatakan bahawa dalam usaha menangani kekangan ini, beberapa buah negara telah mengambil langkah proaktif dengan melakukan pengagihan peranti-peranti kepada kelas-kelas dan mengatasi masalah akses terhadap capaian Internet yang rendah.

Masalah kekurangan penglibatan murid dalam talian kajian oleh Siti Nurbaizura dan Nurfaradilla (2020) dalam kajiannya untuk mengenalpasti halangan yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan pembelajaran dalam talian dengan mengaplikasikan pembelajaran secara Home-Based Learning (HBL). Hasil kajian mendedahkan cabaran guru melibatkan komunikasi dua hala antara pelajar dan guru sukar untuk diwujudkan, sementara Siti Aisyah dan Khadijah (2021), menekankan kajian mengenai sikap segelintir ibu bapa yang tidak memberikan galakan dan motivasi kepada anak-anak untuk mengikuti sesi pembelajaran secara dalam talian. Hasil dapatan kajian ini disokong oleh kajian daripada Sumitra dan Roshan (2021) yang menyatakan bahawa terdapat ibu bapa yang tidak memberikan sokongan galakkan kepada anak-anak untuk mengikuti sesi PdP secara dalam talian. Terdapat juga ibu bapa yang membebani anak-anak dengan tanggungjawab seperti membawa keluarga ke hospital dan menjaga ahli keluarga yang sakit. Ibu bapa tidak bertindak sebagai fasilitator dalam memastikan anak-anak mengikuti kelas serta melakukan pemantauan ke atas anak-anak sewaktu melaksanakan PdP secara dalam talian. Oleh itu, ibu bapa seharusnya lebih peka dan tidak meletakkan tanggungjawab sepenuhnya kepada guru dalam usaha memastikan anak-anak mengikuti kelas secara dalam talian.

Menurut Siti Aisyah dan Khadijah (2021) pembelajaran secara dalam talian akan dapat dilaksanakan dengan lancar dan lebih berkesan jika ibu bapa memainkan peranan dalam memberikan sokongan kepada anak-anak. Hasil kajian menyatakan bahawa kesukaran ini disebabkan oleh guru dan murid telah sebatikan dengan kaedah pembelajaran secara konvensional sehingga menyebabkan murid kurang melibatkan diri dalam pembelajaran secara dalam talian. Tidak dapat dinafikan cabaran murid mendapatkan akses Internet dan kelengkapan peranti ICT untuk tujuan pembelajaran menyebabkan murid tidak mahu melibatkan diri dalam pembelajaran secara dalam talian. Hal ini dibuktikan dalam kajian oleh Norehan dan Mahaliza (2021) yang menyatakan tahap motivasi murid menurun untuk melibatkan diri melaksanakan PdP secara dalam talian apabila berdepan pelbagai cabaran.

### 3. Metodologi Kajian

#### Reka bentuk kajian

Reka bentuk kajian ini ialah kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan kajian kes melalui temu bual secara mendalam. Menurut Yuznaili (2021), kajian kualitatif memberi penumpuan kepada menjelaskan sesuatu perkara tanpa menggunakan kaedah bernombor. Penetapan kaedah kualitatif dalam kajian ini amat sesuai digunakan kerana pengkaji ingin meneroka secara mendalam terhadap pengaplikasian didik hibur dalam pengajaran guru Bahasa Melayu secara dalam talian yang melibatkan aspek kemahiran membaca. Kajian ini telah mendapatkan surat kebenaran daripada Pegawai Pendidikan Daerah, pihak pentadbiran sekolah serta ketua panitia Bahasa Melayu, di mana kajian ini dijalankan.

#### Pensampelan

Peserta kajian dipilih berdasarkan kriteria kajian yang sesuai dengan objektif serta tujuan kajian yang ditetapkan (Chua Yan Piaw, 2014). Terdapat beberapa ciri-ciri pemilihan peserta kajian dalam kajian ini. Pertama, peserta kajian merupakan individu yang melaksanakan PdP kemahiran membaca Bahasa Melayu secara dalam talian. Kedua, peserta kajian merupakan guru Bahasa Melayu yang mengajar tahun lima sahaja. Ketiga, semua peserta kajian mempunyai kemahiran yang baik dengan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) terkini seperti *Google Meet*.



Seramai tiga orang guru telah dipilih menjadi peserta kajian ini. Pengkaji menggunakan kaedah pensampelan bertujuan sebagai kaedah pemilihan peserta kajian. Tujuan pemilihan peserta kajian dibuat dalam kelompok yang kecil adalah bertujuan membantu pengkaji mendapatkan maklumat serta data dengan lebih relevan tentang kajian yang dijalankan. Jadual 1 menunjukkan demografi peserta kajian.

**Jadual 1: Demografi peserta kajian.**

Kod Peserta Kajian	Jantina	Umur	Kaum	Tahap Pendidikan	Opsyen Utama	Tempoh Pengalaman Mengajar
GBM1	Perempuan	32	Melayu	Sarjana Muda	Bahasa Melayu	7 Tahun
GBM2	Perempuan	48	Melayu	Sarjana Muda	Bahasa Melayu	23 Tahun
GBM3	Lelaki	29	Melayu	Sarjana Muda	Bahasa Melayu	5 Tahun

### **Kaedah Pengumpulan Data dan Instrumen**

Pengkaji menggunakan kaedah temu bual dalam kajian ini. Instrumen temu bual digunakan sebagai instrumen utama bagi tujuan pengumpulan data dalam kajian ini. Pengkaji telah membangunkan sendiri inventori protokol temu bual berdasarkan tajuk dan kesesuaian objektif serta soalan kajian. Instrumen temu bual juga telah dihantar ke beberapa orang pakar yang telah dilantik untuk kesahan kandungan dan kesahan muka. Pengkaji telah melakukan penambahbaikan terhadap soalan temu bual berdasarkan saranan pakar yang dilantik.

Seterusnya, pengkaji telah melaksanakan satu sesi temu bual bersama semua peserta kajian secara dalam talian yang menggunakan medium *Google Meet*. Temu bual dalam talian dipilih sebagai medium yang sesuai untuk mengutip data memandangkan kajian ini dijalankan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Hasil temu bual dikumpul untuk dianalisis oleh pengkaji.

### **Kaedah Analisis Data**

Dapatan temu bual dalam kajian ini dianalisis secara analisis tematik. Analisis tematik digunakan untuk mencari corak atau pola yang ditemui untuk menjawab persoalan kajian (Yuznaili, 2021). Melalui dapatan temu bual yang dikumpul, pengkaji menghasilkan transkripsi temu bual. Kemudian, pengkaji menganalisis transkripsi temu bual untuk mencari perkaitan tema dengan objektif kajian ini iaitu mencari cabaran pendekatan didik hibur secara talian dalam PdP kemahiran membaca Bahasa Melayu. Setelah tema ditemui, pengkaji mempersembahkan dapatan dalam bentuk jadual matriks supaya dapatan data lebih mudah dilihat dan bersistematik. Setiap tema-tema yang ditemui akan dijelaskan dengan bukti transkripsi temu bual peserta kajian.

## **4. Dapatan dan perbincangan**

Pembelajaran dalam talian bukanlah sesuatu yang asing dalam dunia pendidikan di Malaysia masa kini. Keperluan PdP dalam talian semakin banyak diaplikasikan ekoran daripada pandemik COVID-19. Sejak PKP diumumkan, kebanyakan guru Bahasa Melayu menggunakan medium aplikasi yang menggunakan kemudahan Internet dalam meneruskan sesi pengajaran. Namun begitu, situasi ini telah mewujudkan cabaran baharu kepada murid serta guru dalam proses PdP kemahiran literasi Bahasa Melayu seperti kemahiran membaca. Perubahan yang drastik ini telah memberi kesan yang ketara terhadap corak PdP kemahiran membaca guru Bahasa Melayu.

PdP kemahiran membaca secara dalam talian merupakan salah satu alternatif yang baharu untuk menggantikan pendidikan secara bersemuka kini. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu semasa melaksanakan aktiviti kemahiran membaca. Jadual 2 menunjukkan jadual matriks bagi cabaran pengaplikasian pendekatan didik hibur dari aspek kemahiran membaca PdP guru Bahasa Melayu dalam talian.

**Jadual 2: Cabaran pengaplikasian pendekatan didik hibur dari aspek kemahiran membaca PdP guru Bahasa Melayu dalam talian.**

TEMA	CABARAN	GBM1	GBM2	GBM3	JUMLAH
Sikap	Kelemahan peranan dan perancangan guru	/			1
	Murid tidak berminat		/		1
	Murid Pasif			/	1
Kemudahan	Murid kekurangan peranti	/	/	/	3
	Kelemahan capaian Internet	/	/	/	3
Masa	Masa terhad untuk penilaian		/		1
Persekitaran	Ketidaktelusan ibu bapa			/	1

Dapatan daripada temu bual bersama peserta kajian mendapati terdapat empat faktor cabaran yang dihadapi oleh peserta kajian iaitu dari segi sikap, teknologi, masa dan persekitaran. Dalam tema-tema tersebut, dapatan menunjukkan beberapa cabaran pengaplikasian pendekatan didik hibur dari aspek kemahiran membaca PdP guru Bahasa Melayu dalam talian.

### Cabaran Dari Aspek Sikap

Antara cabaran yang mempengaruhi keberkesanan pengaplikasian pendekatan didik hibur adalah kelemahan peranan dan perancangan guru dalam melaksanakan PdP yang menarik serta berkesan. Keberkesanan PdP bergantung kepada keupayaan dan kemahiran guru melaksanakan pengajaran dengan berkesan dan teratur. Pengetahuan yang tidak mencukupi terhadap pelaksanaan kaedah PdP menyumbang kepada kelemahan dalam perancangan guru dalam melaksanakan PdP kemahiran membaca seperti yang dinyatakan oleh GBM 1.

*“Kekurangan pengetahuan terhadap kaedah pelaksanaan PdP menyukarkan saya menerapkan amalan pengajaran dengan menggunakan aktiviti – aktiviti melibatkan pendekatan didik hibur. Saya tidak mempunyai idea untuk melaksanakan PdP kemahiran membaca dan skop amalan pengajaran menjadi sempit untuk digunakan bagi semua topik termasuklah dalam melakukan pentaksiran” (TB/GBM1)*

Kelemahan guru dalam aspek merancang PdP dengan baik memberikan kesan negatif terhadap keberkesanan pengaplikasian pendekatan didik hibur. Kegagalan guru memupuk teknik, strategi, kaedah dan pendekatan disebabkan kemahiran yang terhad. Ini menyebabkan guru tidak berupaya mengintegrasikan elemen didik hibur dalam pelaksanaan kaedah PdP dalam kemahiran membaca. Hal ini juga membuktikan bahawa guru berdepan cabaran dalam mengimplementasikan pendekatan pengajaran yang berbeza dalam meningkatkan kompetensi dan aspek pengetahuan sedia ada mereka. Manakala kajian yang dilaksanakan oleh Sharifah Puteh et al., (2012) melihat kepada kurangnya kepakaran guru dalam strategi pengajaran dan memahami visi standard kurikulum menyebabkan guru berdepan cabaran dalam amalan PdP.

Selain itu, murid yang tidak berminat turut menjadi cabaran dalam pelaksanaan pendekatan didik hibur dari aspek kemahiran membaca PdP guru Bahasa Melayu dalam talian. Kajian ini menjelaskan mengenai murid yang kurang berminat dengan Bahasa Melayu. Jika murid kurang berminat dengan Bahasa Melayu, kemahiran membaca murid sukar ditingkatkan walaupun menggunakan pendekatan didik hibur. Guru berdepan dengan cabaran untuk memupuk minat dan keyakinan murid- murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu seperti yang diutarakan oleh GBM2.

*“Saya mendapati terdapat segelintir murid kurang berminat belajar subjek yang saya ajar. Pada pendapat saya hal ini berpunca daripada kesukaran mereka menguasai subjek Bahasa Melayu yang dianggap sukar walaupun saya telah menerapkan elemen didik hibur. Keadaan ini menyebabkan murid tidak berminat untuk belajar dan mengikuti kelas saya sekaligus menyebabkan murid lemah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.”*  
(TB/GBM2)

Guru mengalami kesukaran kerana murid-murid mempunyai perbezaan dari pelbagai aspek misalnya dari segi minat, motivasi dan corak serta pembelajaran yang berbeza-beza bagi setiap murid. Menurut Ainun et al. (2017), pendekatan dan strategi pengajaran guru memainkan peranan dalam memberangsang minat dan motivasi murid terhadap sesuatu mata pelajaran. Pendekatan dan strategi yang berkesan berupaya mengubah persepsi murid terhadap mata pelajaran yang dianggap susah dan menyumbang kepada kelancaran sesi pembelajaran.

Di samping itu, sikap murid yang pasif untuk membaca semasa pendekatan didik hibur juga menjadi satu cabaran terhadap pelaksanaan pendekatan ini. Keadaan ini menyebabkan masalah komunikasi dua hala antara guru dengan murid. Pendekatan didik hibur memerlukan murid yang aktif semasa PdP kemahiran membaca supaya objektif pada hari itu tercapai. Oleh kerana PdP secara dalam talian ini merupakan satu cara yang drastik, maka murid masih belum terbiasa dengan pembelajaran dalam talian pada PKP ini. Pandangan mengenai permasalahan ini seperti yang dinyatakan oleh GBM3.

*“Cabaran saya hadapi semasa menjalan PdP menggunakan pendekatan didik hibur aspek membaca secara dalam talian ialah tidak dapat menilai penglibatan kesemua murid dalam PdP yang dijalankan kerana ada murid yang senyap.”* (TB/GBM3)

Kesukaran mewujudkan komunikasi berkesan antara guru dengan murid turut ditentukan oleh tahap motivasi murid untuk mengikuti PdP kerana murid terlalu biasa dengan pembelajaran secara bersemuka di dalam bilik darjah. Dapatan kajian juga mendapati pelaksanaan PdP menyebabkan murid-murid tidak dapat berinteraksi sesama rakan sebaya mereka kerana corak pembelajaran pendekatan didik hibur dalam talian lebih banyak komunikasi jenis sehalu oleh guru. Murid hanya menjadi pendengar pasif. Perkara ini menjadi faktor penyumbang murid kurang melibatkan diri dalam pendekatan didik hibur dalam talian. Hal ini dibuktikan dalam kajian Ehwan Ngadi (2020) yang menyatakan bahawa pembelajaran secara dalam talian yang dilakukan di rumah, melibatkan suasana yang tidak kondusif dan tidak memberangsang minat murid. Keadaan dan ruang rumah yang tidak berkonsepkan suasana pembelajaran menyebabkan murid tidak dapat berinteraksi dengan guru dan rakan- rakan sebaya.

### **Cabaran Dari Aspek Kemudahan**

Daripada aspek kemudahan sedia ada, perkara ini turut mempengaruhi pelaksanaan PdP pendekatan didik hibur secara dalam talian. Dapatan kajian ini menunjukkan kesemua peserta kajian bersetuju menyatakan bahawa masalah kekurangan peranti seperti komputer riba dan



telefon pintar merupakan masalah yang begitu sinonim dengan pembelajaran secara dalam talian. Hal ini dapat dibuktikan menerusi transkrip temu bual ketiga-tiga peserta kajian.

*“Antara cabaran yang dihadapi semasa pengaplikasian pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu dalam aspek kemahiran membaca secara dalam talian ialah murid kekurangan peranti talifon untuk meneruskan pembelajaran. Kebanyakan dalam kalangan mereka menggunakan talifon ibu bapa untuk belajar. Hal ini menimbulkan masalah apabila ibu bapa mereka keluar bekerja.”* (TB/GBM1)

*“Begitu juga, apabila murid saya tidak ada telefon pintar untuk mengikut PdP dalam talian, ini memberi salah satu cabaran dalam melaksanakan pendekatan didik hibur semasa aktiviti membaca.”* (TB/GBM2)

*“Murid yang tiada laptop, telefon dan komputer di rumah agak sukar mengikuti kelas dalam talian saya. Pendekatan didik hibur dalam kemahiran membaca pada PKP ini memerlukan murid yang ada ICT di rumah untuk terus belajar. Agak sukar PdPR dilaksanakan tanpa ada telefon buat masa kini.”* (TB/GBM3)

Pembelajaran pada zaman pandemik COVID-19 sangat bergantung kepada keperluan kemudahan Internet yang stabil. Pelaksanaan kemahiran membaca dalam didik hibur dapat dijalankan dengan baik apabila capaian Internet laju untuk guru menjalankan proses PdP yang lancar. Masalah capaian Internet juga merupakan cabaran yang sinonim dihadapi oleh para guru dalam pengaplikasian pendekatan didik hibur dari aspek membaca. Cabaran ini dibuktikan dengan transkripsi temu bual oleh ketiga peserta kajian.

*“Selain itu, masalah capaian internet. Kebanyakan murid menghadapi masalah internet kerana tinggal di kampung-kampung atau kawasan pedalaman yang sukar untuk diakses.”* (TB/GBM1)

*“Oleh kerana sekolah ini berada di kawasan luar bandar, masalah Internet tidak dapat dielakkan. Ada kalanya, jika kelas hari kelas didik hibur saya, ada murid saya tidak dapat menyertai kelas kerana masalah tiada Internet.”* (TB/GBM2)

*“Murid di sekolah ini pun ada yang tinggal jauh di kawasan ladang kepala sawit. Tambahan pula capaian Internet sini kurang memuaskan jika membuat didik hibur dalam talian. Apabila mereka membaca petikan cerita, kadang kala terputus-putus, tersekat-sekat. Ini agak menyulitkan keadaan.”* (TB/GBM3)

Pengaplikasian didik hibur dalam aspek membaca secara dalam talian turut membuktikan bahawa guru turut berdepan cabaran utama berpunca daripada kekurangan peranti dan capaian internet yang kurang stabil dalam kalangan murid. Masalah ini mempunyai perkaitan rapat dengan tahap kemampuan ibu bapa dalam usaha menyiapkan anak-anak dengan sumber pembelajaran yang diperlukan seperti peranti yang bersesuaian dengan dilengkapi akses internet yang stabil untuk menjamin kelangsungan pendidikan anak-anak mengikuti sesi PdPR seperti yang dinyatakan dalam kajian Wan Sofiah (2007). Cabaran guru bertambah apabila guru terpaksa berhadapan dengan ibu bapa yang meletakkan kebergantungan sepenuhnya kepada guru dalam tugas mendidik sehingga ibu bapa menjadi leka untuk memastikan anak-anak tidak ketinggalan dalam mendapatkan akses pembelajaran (Wan Ya Shin, 2020).

### **Cabaran Dari Aspek Masa**

Masa turut menjadi cabaran guru dalam pengaplikasian kaedah didik hibur dari aspek kemahiran membaca kerana berpunca dari kekangan masa dalam melaksanakan PdP secara

dalam talian. Peserta kajian berpendapat masa yang terhad untuk melakukan penilaian terhadap penguasaan kemahiran membaca kepada semua murid dalam kelas. Dapatan transkripsi temu bual mengenai masalah ini dinyatakan seperti hasil temu bual dengan GBM2.

*“... guru tidak dapat menguji kesemua murid untuk kemahiran membaca. Contohnya kalau di dalam bilik darjah guru dapat memperuntukkan waktu untuk murid-murid yang lemah. Namun apabila pengajaran secara dalam talian, sukar untuk guru fokus kepada setiap murid-murid kerana kawalan kelas dalam talian sangat terhad. Ini menyukarkan membuat penilaian kemahiran membaca dalam didik hibur kerana masa tak mencukupi.”*  
(TB/GBM2)

Guru berdepan kesukaran untuk melakukan penilaian terhadap penguasaan kemahiran membaca kepada semua murid di dalam kelas kerana guru terikat dengan masa yang terhad. Kesukaran guru membuat penilaian kemahiran membaca secara berlaku kerana guru memerlukan masa yang agak lama menyediakan medium PdP, kelambatan murid untuk mengikuti kelas dalam talian serta menguruskan perkara teknikal dalam talian (Mansureh et al., 2017). Ini menyebabkan masa guru membuat penilaian kemahiran membaca menjadi semakin pendek.

### **Cabaran Dari Aspek Persekitaran**

Semua ibu bapa mengharapkan anak mereka cemerlang dalam setiap mata pelajaran. Namun begitu, ada ibu bapa yang sukar menerima keputusan anak mereka jika tidak mencapai tahap yang ibu bapa inginkan. Maka, terjadinya ketidaktelusan ibu bapa dalam usaha membantu pembelajaran anak mereka. Analisis kajian yang dilakukan mendapati terdapat ibu bapa yang tidak memberikan sokongan sepenuhnya kepada guru dalam melakukan penilaian terutamanya dalam aspek kemahiran membaca. Hal ini dinyatakan dalam temu bual dengan GBM3.

*“Penghantaran rakaman bacaan murid tidak dilaksanakan oleh murid sendiri. Ada juga ibu bapa yang membaca petikan yang diberikan dahulu dan diikuti oleh murid. Tidak ada ketelusan dan usaha murid itu membaca sendiri. Sukar menilai tahap penguasaan kemahiran membaca dengan baik.”* (TB/GBM3)

Ibu bapa seharusnya memberi peluang kepada anak-anak mereka berdikari sendiri dalam usaha menuntut ilmu. Anak-anak tidak harus diberi kebergantungan dengan ibu bapa. Pembelajaran yang bermakna dan berkesan memerlukan murid meneroka sendiri ilmu yang mereka pelajari.

### **5. Cadangan Penyelesaian**

Bagi mengatasi cabaran kelemahan guru dalam merancang dan melaksanakan PdP yang menarik dan berkesan, guru haruslah mengambil kira aspek yang melibatkan keadaan, masa, tempat belajar dan murid sebelum memilih kaedah pengajaran. Kaedah yang dipilih haruslah bersesuaian dengan kebolehan guru untuk mengaplikasikannya dan bertepatan dengan objektif yang hendak dicapai. Guru perlu menggandakan amalan-amalan pengajaran untuk meningkatkan mutu PdP. Kajian Petrie (2020) menyatakan tentang potensi guru dalam usaha mengembangkan kemahiran ICT dan pengetahuan dengan mencadangkan guru menghadiri kursus pendidikan, latihan dan program pengembangan potensi melalui pelbagai platform dalam talian seperti *Microsoft Teams*, *Google Classroom*, *Zoom* dan sebagainya untuk membantu guru mengatasi kelemahan melaksanakan PdP.

Selain itu, cabaran guru untuk menangani masalah murid yang tidak mempunyai minat dan keyakinan mempelajari mata pelajaran yang dianggap susah adalah dengan memilih mekanisma pembelajaran yang dekat dengan jiwa dan perasaan murid agar berupaya memberikan kesan yang mendalam kepada tahap kefahaman murid. Guru juga perlulah sentiasa bersedia dan menerima perbezaan individu dalam kalangan murid dengan menyetengahkan pengajaran kemahiran asas dahulu sebelum melakukan pengajaran yang lebih kompleks dan memerlukan pemahaman yang tinggi. Melalui pendekatan ini juga murid akan memberikan tumpuan terhadap pengajaran guru dan membantu murid untuk mengingat apa yang dipelajari dengan lebih mudah serta meningkatkan keyakinan murid untuk menguasai subjek yang tidak diminati. Ee Ah Meng (2003) menyatakan bahawa kebijaksanaan guru memilih strategi pendekatan dan kecekapan guru merancang langkah-langkah pengajaran yang tersusun dan teratur dalam proses pembelajaran memberi kesan positif terhadap pemahaman murid.

Di samping itu, masalah murid pasif dapat diatasi sekiranya guru memainkan peranannya dengan baik dalam mengendalikan dan mengurus kelas dengan berkesan walaupun pembelajaran dilakukan secara atas talian. Hubungan yang baik di antara murid dan guru haruslah dititikberatkan oleh guru untuk mengambil hati murid agar murid terlibat secara aktif dalam proses PdP kerana tiada kejanggalan terjadi di antara guru dan murid. Ini secara tidak langsung merupakan kunci kepada komunikasi dua hala secara berkesan.

Kemudian, kekurangan peranti dan kelemahan capaian Internet harus mendapat perhatian daripada pihak kerajaan khususnya. Kerajaan telah menggembleng usaha dengan pelbagai pihak untuk memastikan murid yang berdepan masalah ini menerima peranti percuma seperti komputer riba, tablet dan telefon pintar kepada murid yang tidak berkemampuan bagi membantu murid agar dapat menghadiri kelas secara dalam talian. Inisiatif ini turut bertujuan membantu meringankan beban ibu bapa yang tidak mampu menyediakan anak-anak dengan kelengkapan pembelajaran. Ibu bapa juga seharusnya memberikan kerjasama yang padu kepada guru dengan menyediakan peranti serta memantau kehadiran anak-anak demi memastikan anak-anak mengikuti kelas secara dalam talian dan menyiapkan tugas yang diberikan bagi meringankan bebanan guru.

Seterusnya, bagi mengatasi masalah masa yang tidak mencukupi semasa membuat penilaian kemahiran membaca, guru seharusnya membuat perancangan awal sebelum mula mengajar dalam talian. Oleh kerana perubahan dalam sistem pendidikan berlaku secara drastik, guru dan murid memerlukan masa yang panjang dalam proses mengadaptasikan pembelajaran di alam maya. Perancangan yang teliti dalam pelaksanaan dan penilaian terhadap tahap keberkesanan kaedah ini haruslah diperhalusi oleh semua pihak bagi memaksimumkan hasil pembelajaran. Ibu bapa juga harus membantu guru untuk membuat persiapan awal anak-anak mereka sebelum PdP bermula agar masa dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk PdP yang berkesan.

Akhir sekali, ibu bapa tidak seharusnya membantu sepenuhnya anak mereka melakukan aktiviti PdP. Ibu bapa di rumah hanyalah sebagai pembimbing sahaja dan bukannya menyiapkan segala kerja sekolah anak-anak mereka yang diberikan oleh guru. Murid digalakkan sendiri menyiapkan segala tugas dengan bimbingan ibu bapa. Ketidaktelusan ibu bapa menjadikan guru sukar menilai tahap penguasaan anak murid. Ibu bapa wajar membimbing anak mereka bagaimana mendapat jawapan daripada terus memberi jawapan. Anak-anak memerlukan penerokaan sendiri dalam proses pembelajaran mereka.

## 6. Kesimpulan

Kajian ini bertujuan meneroka cabaran pengaplikasian pendekatan didik hibur dalam pengajaran guru Bahasa Melayu dari aspek kemahiran membaca dalam talian. Antara cabaran yang dihadapi oleh guru ialah kelemahan peranan serta perancangan guru, murid pasif, murid kurang berminat, kekangan peranti, kelemahan capaian Internet, masa terhad untuk penilaian dan ketidaktelusan ibu bapa. Secara kesimpulannya, guru menghadapi cabaran dari aspek sikap, kemudahan, masa dan persekitaran semasa melaksanakan pendekatan didik hibur dalam PdP guru Bahasa Melayu bagi kemahiran membaca. Hasil kajian menunjukkan cabaran utama ialah murid kekurangan peranti dan masalah capaian Internet. Implikasi bagi kajian ini agar cabaran-cabaran yang dinyatakan dalam kajian ini diambil berat oleh pihak kementerian untuk menyelesaikan cabaran dengan lebih baik. Kajian ini juga hanya melibatkan guru yang bertugas mengajar di kawasan luar bandar dan cabaran yang diperolehi daripada kajian ini hanya berlandaskan kawasan luar bandar sahaja. Di harapkan pada masa akan datang, banyak lagi kajian mengenai cabaran pengaplikasian didik hibur dalam bentuk kajian kuantitatif.

## Rujukan

- Jamian, A. R., & Ismail, H. (2013). Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(2): 49-63.
- Jamian, A. R. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid- murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(1), 1-12.
- Iberahim, A. R., Mahamod, Z., & Wan Mohammad, W. M. R. (2017). Pembelajaran Abad Ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7 (2), 77-88.
- Ismail, A., Osman, K., & Hassan, N. H. (2020). Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran Tasmik Hafazan Al-Quran Secara Atas Talian Sewaktu Pandemik Covid- 19 *Bicara Dakwah Kali Ke 21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik*, 110-116.
- Ab Rahman, B., Hashim, A., & Ishak, H. (2021). Medium komunikasi guru Pendidikan Islam dalam pengajaran dan pemudahcaraan tilawah Al-Quran program pendidikan khas integrasi (ketidakupayaan pendengaran). *International Journal Of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 6(28), 110-125.
- Chua, Y. P. (2014). Effects of gender and thinking style on student's creative thinking ability. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 116, 5135-5139.
- Ee, A. M. (2003). *Ilmu pendidikan: pengetahuan dan ketrampilan ikhtisas*. Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ngadi, E. (2020). COVID-19: Implikasi pengajaran dan pembelajaran atas talian. *Risalah USIM*. <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/covid19-implikasi-pengajaran-dan-pembelajaran-atas-talian/>
- Kebritchi, M., Lipschuetz, A., & Santiago, L. (2017). issues and challenges for teaching successful online courses in higher education: A literature review. *Journal of Educational Technology Systems*, 46 (1), 4-29. <https://doi.org/10.1177/0047239516661713>
- Mohamad Hanapi, M. H., Komari, M., & Zakaria, N. (2020). Kesiediaan guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(2), 9-17.
- Sulaiman, M., & Wak, C. W. (2018). *Tinjauan tentang pengetahuan dan penerimaan*

- terhadap pengajaran berbeza dalam kalangan siswa pendidik Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan. [Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam]. Universiti Malaya.
- Melvina, C. H. C., Mohd Nordin, N., Badusah, J., & Mustafa, N. (2017, Januari 16-17). *Analisis keperluan terhadap pembangunan M-Edutainment dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah*. [Prosiding Seminar Pendidikan Transdisiplin (STEd2017)]. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. <https://sted18.files.wordpress.com/2016/12/2-18-melvinachung-hui-ching-norazah-mohd-nordin-jamaludin-badusah-nawal-mustafa.pdf>
- Mohd Nasir, N., & Mansor, M. (2021). Cabaran guru dalam melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR): Suatu pemerhatian awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(7): 416 – 421. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.854>
- Mohd Hamidin, N., & Ismail, W. (2018, April 23-24). *Peranan komuniti terhadap pembelajaran Bahasa Arab abad ke 21*. [E-prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan]. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. [http://conference.kuis.edu.my/pasak3/images/eprosiding1/PASAK3\\_2221.pdf](http://conference.kuis.edu.my/pasak3/images/eprosiding1/PASAK3_2221.pdf)
- Hisamudin, N. A. I. (2019). Penggunaan kaedah didik hibur untuk pembelajaran matematik dalam kalangan murid Sekolah Rendah Taman Sri Rampai. [Doctoral dissertation, University of Malaya].
- Petrie, C. (2020). *Spotlight: quality education for all during COVID-19 crisis*. Hundred Research Report. [https://hundredcdn.s3.amazonaws.com/uploads/report/file/15/hundred\\_spotlight\\_covid-19\\_digital.pdf](https://hundredcdn.s3.amazonaws.com/uploads/report/file/15/hundred_spotlight_covid-19_digital.pdf)
- Loviana, S., & Baskara, W. N. (2020). Dampak pandemik COVID-19 pada kesiapan pembelajaran Tadris Matematika Iain Metro Lampung. *Jurnal Pendidikan Matematika*, 2(1), 61- 69. <https://doi.org/10.23971/jpsp.v1i1.2812>
- Mamat, S. (2020). Aplikasi google meet dalam program 3C bagi meningkatkan motivasi pelajar tingkatan 5. [Proceedings International Conference On Global Education VIII]. Universiti Kebangsaan Malaysia. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/14115>
- Othman, S., & Jamian, A. R. (2013). Pelaksanaan elemen sastera dalam pengajaran dan pembelajaran seni bahasa kurikulum standard sekolah rendah. *Jurnal Bahasa*, 1(2), 292-312.
- Puteh, S., Ghazali, N. A., Tamyis, M. M., & Ali, A. (2012). Keprihatinan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 19-31.
- Ibrahim, S. A., & Abdul Razak, K. (2021). Pandemik COVID-19: cabaran dan impak dalam Pendidikan Islam dan pembelajaran murid. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(1), 89-94.
- Che Azizan, S. N., & Mohamad Nasri, N. (2020). Pandangan guru terhadap pembelajaran dalam talian melalui pendekatan Home Based Learning semasa tempoh pandemik COVID-19. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11 (Edisi Khas COVID-19), 46-57. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.edisikhas.4.2020>
- Pokhrel, S., & Chhetri, R. (2021). A literature review on impact of COVID-19 pandemic on teaching and learning. *Higher Education for the Future*, 8(1), 133-141. <https://doi.org/10.1177/2347631120983481>



- Thannimalai, T., & Baloh, S. (2021). Cabaran PdPR bahasa Tamil di sekolah luar bandar. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(2), 183-190.  
<https://doi.org/10.33306/mjssh/132>
- Meor Osman, W. S. (2017). Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak kaum Penan: Kajian kes di Hilir Tinjar Baram, Sarawak. Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak.  
[https://ir.unimas.my/id/eprint/2088/7/penglibatan%20ibu%20bapa%20dalam%20pendidikan%20anak%20anak%20kaum%20penan%20kajian%20kes%20di%20hilir%20tinjar%20baram%20sarawak%20\(full%20text\).pdf](https://ir.unimas.my/id/eprint/2088/7/penglibatan%20ibu%20bapa%20dalam%20pendidikan%20anak%20anak%20kaum%20penan%20kajian%20kes%20di%20hilir%20tinjar%20baram%20sarawak%20(full%20text).pdf)
- Wan, Y. S. (2020). *Pendidikan Sepanjang Krisis COVID-19*. Institusi Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS). <https://www.ideas.org.my/pendidikan-sepanjang-krisis-covid-19>.
- Windhiyana, E. (2020). Dampak COVID-19 terhadap kegiatan pembelajaran online di perguruan tinggi Kristen di Indonesia. *Persepektif Ilmu Pendidikan*, 34 (1), 1-8.  
<https://doi.org/10.21009/PIP.341.1>
- Ya Shin Wan. (2020). *Educational Policies in Overcoming Barriers Faced by Orang Asli Children: Education for all*. IDEAS Policy Research Berhad.
- Saleh, Y. (2021). *Panduan Komprehensif Penyelidikan: Navigasi Penyelidikan Anda*. Global Mediastreet Sdn Bhd.
- Khalid, Z., & Khalil, A. F. (2011, Mei 10-12). *Aktiviti nyanyian lagu-lagu tarian sewang dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah Orang Asli*. [Prosiding Seminar Penyelidikan 2011 Zon Timur]. IPG Kampus Sultan Mizan, Besut, Terengganu. <https://pdfslide.net/documents/aktiviti-nyanyian-lagu-lagu-tarian-sewang-dalam-sewang-zkdafkpdf-kata-kunci.html>